

# Ming Wong

## Wayang Spaceship

**Ming Wong**  
***Kapal Angkasa Wayang***  
2022

Struktur: kayu balak (genus *Dipterocarpaceae* dan *Neobalanocarpus heimii*), rotan polietilena, kanvas dan tali polietilena, kepingan bersalut aluminium, lampu tiub pendarfluor, lembaran plastik poliester pemantul dan mengawal cahaya berwarna perak, keluli tahan karat, aluminium, akrilik, papan lapis, dan konkrit; video dan bunyi: tayangan video saluran tunggal, format 4:3, audio berbilang saluran dengan pembesar suara megafon tambahan dan pemain kaset radio yang diubah suai.

Sebuah Kapal Angkasa Wayang telah mendarat di negara kita. Di samping krisis perindustrian, teknologi dan ekologi yang telah berlaku dalam sejarah, ia juga menjadi saksi kepada kedudukan kita di kosmos. Pada siang hari, Kapal Angkasa Wayang kelihatan tidak aktif manakala pemantulan dari permukaannya mencerminkan lalu lintas yang sibuk di sekitar pelabuhan kontena. Ketidakaktifannya sendiri terganggu oleh transmisi radio yang tersasar sekali-sekala yang dihantar dari dimensi lain.

Pada waktu senja, Kapal Angkasa Wayang mengembalikan semula peranannya sebagai sebuah teater Cina yang menjelajah, menyorotkan masa lalu, masa kini dan masa depan dengan simfoni opera cahaya, bunyi dan imej, seolah-olah ia distrimkan secara langsung daripada ingatan seorang pahlawan cendekiawan iaitu, kesedaran yang melalui pengembaraan masa yang bergerak bebas antara masa lalu, kini dan masa depan. Setiap hari, selepas Muzium Seni Singapura ditutup, Kapal Angkasa Wayang diaktifkan dengan cahaya, bunyi dan filem lalu membolehkan orang ramai berkomunikasi dengan tokoh opera Cina yang tersendiri ini.